



Good food, Good life

Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 8 Disember 2021

Nestlé Malaysia penuhi 100% daripada keperluan kuasa elektrik dengan sumber tenaga boleh diperbaharui menjelang Januari 2022

Nestlé Malaysia hari ini mengumumkan usahanya beralih sepenuhnya kepada tenaga boleh diperbaharui di seluruh operasinya di Malaysia mulai 1 Januari 2022. Langkah ini akan membolehkan syarikat mengurangkan emisi yang bersamaan 75,000 tan CO2 setiap tahun. Dalam pada itu, syarikat akan mempercepatkan usaha dan memenuhi komitmennya untuk memperolehi 100% bekalan elektrik daripada sumber Tenaga Boleh Diperbaharui (RE) menjelang 2025.

Langkah ini dapat dilaksanakan menerusi program Tarif Elektrik Hijau (GET), yang dilancarkan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dengan kerjasama TNBX Sdn Bhd, anak syarikat Tenaga Nasional Berhad, pada akhir November 2021. Nestlé Malaysia adalah satu daripada sembilan syarikat korporat yang berikrar untuk menyokong program ini, dan antara yang pertama untuk menyempurnakan proses kelulusan. Dengan ini, semua kemudahan operasi syarikat di Malaysia akan beralih sepenuhnya ke RE.

En Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad berkata, "Sambil kita berusaha mencorakkan masa depan yang lebih hijau untuk semua, kami akan terus berusaha mengurangkan kesan alam sekitar. Dengan menyokong dan menyertai program Tarif Hijau yang dilancarkan baru-baru ini oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, kami kini boleh memenuhi keperluan tenaga elektrik kami daripada kuasa solar dan hidroelektrik yang dibekalkan oleh TNBX."

"Peralihan ini akan membolehkan kami menerima Sijil Tenaga Boleh Diperbaharui Malaysia (mREC), sekali gus menyumbang kepada komitmen kami untuk mengurangkan emisi gas rumah hijau menjelang 2030 dan mencapai emisi sifar bersih menjelang 2050. Kami juga menyumbang kepada wawasan negara Malaysia untuk mempercepatkan pembangunan Tenaga Boleh Diperbaharui," tambahnya.

Ir. Nirinder Singh Johl, Pengarah Urusan TNBX Sdn Bhd, berkata, "Kami sukacita kerana terdapat syarikat global seperti Nestlé Malaysia yang menyokong program GET, yang memberikan capaian kepada tenaga bersih sebagai insentif kepada rakyat Malaysia

untuk lebih bersifat mesra alam dan mengurangkan jejak karbon dalam penggunaan elektrik. Ini sudah pasti menyumbang kepada agenda pembangunan lestari negara, dan kami berharap syarikat-syarikat lain akan menyusul.”

Inisiatif ini adalah satu daripada pelbagai inisiatif yang diguna pakai oleh Nestlé Malaysia dalam perjalanan syarikat ke arah emisi sifar bersih dan menggiatkan usaha untuk meningkatkan kecekapan alam sekitar di seluruh operasinya, termasuk, tindakan berterusan untuk mengurangkan penggunaan air dan emisi CO2 setiap tan produk yang dijual. Ia juga menggabungkan program penanaman semula hutan seperti Projek RELeaf dan usaha untuk mengguna pakai kaedah Pertanian Regeneratif dalam rantai bekalan Syarikat.

-tamat-

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456
+6012-235 6865

E-mel: shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com

Alya Nurina atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348
+6010 -221 8216 (Alya) atau
+6017 237 9048 (Yasmin)

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my